

Malaysia tak curiga keadaan di Thailand —Dr. M

Oleh: MD. NOH SENAN

KUALA LUMPUR, Sabtu — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan hari ini bahawa pergolakan yang berlaku di sempadan Thailand/Kampuchea sekarang tidak mencurigakan Malaysia kerana apa yang berlaku di sana bukanlah satu peperangan besar.

Apa yang berlaku itu adalah tembakan melebihi sasaran dari seberang sempadan Thai tetapi tidak pula terdapat persengketaan dan negeri Thai pun tenang sahaja," ujarnya.

Bellau menyatakan demikian ketika diminta mengulas tentang perediaan Malaysia sebagai menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku akibat pergolakan dan konflik yang sedang berlaku di Kampuchea boleh merebak ke negara-negara jiran termasuk Malaysia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan memang sentiasa memerhatikan perkembangan yang sedang berlaku itu malahan negara adalah dalam siap sedia walaupun tidak ada peperangan.

Menurutnya, apa yang berlaku di Kampuchea itu adalah kerana Kampuchea dan Vietnam tidak boleh bertolak ansur satu sama lain dan peperangan lagi memuncak sejak Vietnam melancarkan serangan terhadap regim Pol Pot.

Timbalan Perdana Menteri juga berkata, Malaysia menghargai kesulitan Kerajaan Perdana Menteri Thai, Jeneral Tun Kriangsak Chomanan dalam menghadapi soal memberi perlindungan kepada pelarian-pelarian Kampuchea di negaranya.

"Kerajaan Thai memberi perlindungan itu adalah kerana dasar peri kemanusiaan dan pelarian-pelarian itu tidak boleh dihalau semula ke negara mereka atau mati kebuluran.

"Kita pun tak tergamak buat begitu. Apa yang kita lakukan hanya mengusir pelarian yang menghampiri peraliran kita supaya keluar. Itu sahaja," ujar bellau.

Sebelum itu, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara perdagangan dan perindustrian dengan rombongan dari Finland dan Jerman Barat yang sedang melawat negara ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia